



پلیتا برونی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.38

MANISNYA IMAN مانیسٹ ایمان

"Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah supaya kamu berokeh rahmat".
-Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-A'raf, ayat 204.

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 51

28 APRIL 2025 / 1446 شوال 29

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

KUNJUNGAN HORMAT BINCANG USAHA MEMPERKUKUH KERJASAMA

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmad
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib telah menerima kunjungan hormat daripada Kaunselor Kanan Hal Ehwal Parlimen bagi Delegasi Kesatuan Eropah (EU), Antoine Ripoll hari ini.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis berkenaan juga dihadiri oleh Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan hormat daripada Kaunselor Kanan Hal Ehwal Parlimen bagi Delegasi Kesatuan Eropah (EU), Antoine Ripoll.

>> Muka 3

Memperkuuh kesiapsiagaan kecemasan, membangunkan tenaga kerja kesihatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 April. - Penjagaan kecemasan adalah tonggak utama dalam mana-mana sistem penjagaan kesihatan yang berdaya tahan, dan ia sering menjadi titik sentuhan pertama dalam saat-saat kritis, sama ada kes trauma, serangan jantung, kecemasan kesihatan awam, atau bencana.

Kualiti dan keberkesanannya perkhidmatan penjagaan kecemasan boleh menjadi penentu antara hidup dan mati.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, semasa melancarkan Persatuan Penjagaan Kecemasan Brunei (Brunei Emergency Care Society-BECS) bertempat di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel Brunei Darussalam, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, di Negara Brunei Darussalam (NBD) kita amat bertuah kerana mempunyai doktor perubatan kecemasan, jururawat, paramedik, dan ramai lagi yang berdedikasi, bekerja tanpa mengenal penat di bawah tekanan tinggi dan dalam situasi yang sensitif terhadap masa.

>> Muka 5

Ramah Mesra Hari Raya eratkan ukhuwah, keharmonian

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

KAMPUNG KATOK, Ahad, 27 April. - Bagi mengeratkan lagi silaturahim dalam suasana muhibah dan saling bermaaf-maafan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri KHEU bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di aras bawah bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, di sini.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haj Awang Othman serta datin dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan datin.

>> Muka 3

Membaca asas kepada kemajuan serta kebahagiaan dunia, akhirat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 April. - Wahyu yang pertama yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Baginda sedang bermunajat di Gua Hira ialah Surah Al-'Alaq ayat 1 hingga 5 yang bermula dengan seruan Iqra, iaitu bacalah.

Membaca adalah asas kepada kemajuan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Wahyu pertama ini adalah rahmat yang terawal dan nikmat yang terawal yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala memuliakan umat manusia ini dengan ilmu yang membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah Subhanahu Wata'ala yang lain.

Perkara berkenaan antara yang disentuh dalam Tazkirah bertajuk 'Iqra': Wahyu Pertama Ilahi' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Temburong, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Mu'iz bin Haji Amat, yang bersiaran secara maya dari Masjid Kampung Perpindahan Mata-mata bagi menyerikan lagi acara Malam Munajat anjuran KHEU kali Ke-180.

Acara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, KHEU, Awang Haji Mohammad Romeezy @ Abdul Qayyum bin Haji Metussin.

>> Muka 4



Berita Utama



PENYAMPAIAN sijil bagi hakim Musabaqah Membaca Al-Quran

Muka 7



TAKLIMAT pastikan kelancaran perjalanan bakal jemaah haji

Muka 10



SAMBUTAN Hari Raya terus eratkan ukhuwah, silaturahim, kerjasama

Muka 16



GRADUAN tempatan hasilkan pembuatan leathercrafting berkualiti

Muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyaraafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, dengan berkat dan mukjizat Al-Quran juga, maka dapatlah kita berhimpun pada malam yang penuh keberkatan ini untuk sama-sama memeriahkan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi.

Tema Musabaqah tahun ini 'Akal Sihat Dengan Al-Quran', amat bertepatan dengan

WAKTU SEMBAHYANG											
APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
28	ISNIN	29	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38	
29	SELASA (ZULKAEDAH)	1	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38	
30	RABU	2	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38	
1 (MEI)	KHAMIS	3	4.38	4.48	6.09	6.32	12.18	3.36	6.26	7.38	
2	JUMAAT	4	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38	
3	SABTU	5	4.38	4.48	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38	
4	AHAD	6	4.37	4.47	6.08	6.31	12.18	3.36	6.26	7.38	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
33 26 °C	30 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar		
32 26 °C	30 25 °C	31 25 °C
Pekan Tutong		
32 26 °C	30 25 °C	31 25 °C
Kuala Belait		
33 26 °C	30 25 °C	31 25 °C
WallahuAlam Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا بن قراغن، جا بن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Membaca Al-Quran memainkan peranan besar dalam kecintaan umat Islam terhadapnya

peranan Al-Quran sebagai panduan hidup yang sempurna. Al-Quran bukan sahaja memberi pencerahan kepada akal fikiran, tetapi juga mendidik jiwa untuk memahami eti kebenaran, keadilan dan kehidupan yang aman serta sejahtera.

Musabaqah Membaca Al-Quran seperti ini memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecintaan umat Islam terhadap Al-Quran. Bacaan yang tartil dan indah menyentuh hati, sementara penghayatan isi kandungannya mengerakkan akal untuk berfikir secara mendalam dan bijaksana. Firman Allah Subhanahu Wata'alaa, dalam Surah Al-An'am ayat 50 yang tafsirnya: "Tidakkah kamu mau berfikir?".

Atay ini menyeru umat Islam untuk menggunakan akal dengan penuh hikmah, berpandukan Al-Quran dalam segala aspek kehidupan. Akal yang sihat adalah asas kepada masyarakat yang maju dan sejahtera. Kecemerlangan akal hanya dapat dicapai apabila ia dipandu oleh wahyu Ilahi iaitu Al-Quran. Al-Quran mendidik akal untuk mengenal perkara-perkara baik dan buruk, memberi pertimbangan yang adil, serta menyatakan ilmu dunia dengan nilai-nilai ukhrawi. Oleh itu, usaha menjaga kesihihan dan kesucian mushaf Al-Quran adalah satu amanah yang mesti diberi perhatian utama.

Dalam hubungan ini, bagi memastikan setiap bahan-bahan terbitan yang meliputi mushaf Al-Quran untuk diterbitkan, dicetak dan diedarkan di negara ini hendaklah memenuhi piawaian yang tinggi.

Beta berpendapat adalah baik bagi

agensi - agensi yang berkaitan memperkemaskan lagi Garis Panduan yang sedia ada dengan mewujudkan satu akta khas penerbitan, pencetakan dan pemuliaan mushaf Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam. Beta berharap ia akan dapat dimanfaatkan dalam memastikan setiap mushaf yang akan diguna pakai itu memenuhi kaedah Rasm Uthmani yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Hubungan di antara tema dengan keperluan akta ini mengingatkan kita kepada, bahawa Al-Quran bukan sekadar bacaan, tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal-budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran. Dengan adanya akta ini, kita dapat memastikan bahawa mushaf Al-Quran yang digunakan oleh umat Islam di negara ini adalah sahih, sekali gus menjamin keaslian panduan Al-Quran dalam mencerdaskan akal dan jiwa.

Akhirnya, beta berharap, pihak-pihak berkenaan akan dapat memberikan sokongan padu dalam usaha-usaha berkebajikan ini, dan juga yang berkait rapat dengan pengukuh amalan supaya tidak terpesong atau tersasar dari landasan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Mazhab Syafe'e. Laungan Kalamullah yang sentiasa bergema di muka bumi Brunei Darussalam ini tidak diragukan lagi adalah pemangkin kepada kesejahteraan negara dan kemakmurannya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

28 APRIL 2025

Jangan bertangguh membayar hutang

SETIAP individu perlu diterapkan dengan ilmu dalam pengurusan kewangan dan ini bukan sahaja tertumpu kepada orang dewasa sahaja tetapi ilmu ini juga penting disemai sejak kecil lagi kerana ia sangat berguna dan bermanfaat untuk masa depan.

Pengurusan kewangan merujuk kepada proses merancang, mengurus, dan mengawal kewangan bagi mencapai matlamat kewangan mereka dan ini merangkumi pengurusan hutang iaitu mengurus pinjaman dan hutang agar ia tidak membebankan.

Agama Islam mengajar kita bagaimana cara mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan betul iaitu dengan cara bersederhana. Kerana itu, jika kita mengikuti ajaran agama kita dalam soal berbelanja dan cara mengurus pendapatan, maka sudah pasti kita tidak akan terjebak dan terbelenggu dalam beban hutang.

Seperimana yang ditegaskan dalam Khutbah Jumaat pada 18 April 2025, Khatib menggariskan meskipun Islam tidak melarang umatnya untuk berhutang tetapi berhutang itu bukanlah perkara yang digalakkan. Oleh itu, Islam menasihatkan umatnya agar menjauhkan diri daripada berhutang, namun sekiranya terpaksa untuk berhutang, maka hendaklah kita berniat dan berazam untuk membayar hutang tersebut.

Bukan secara sewenang-wenangnya berhutang tetapi apabila tiba masa untuk membayarnya, kita selalu bertangguh-tangguh yang boleh menyebabkan terjadinya perguduhan dan permusuhan.

Khutbah Jumaat juga menekankan adalah menjadi kewajipan bagi orang yang berhutang untuk membayar hutangnya, akan tetapi tidak dinafikan segelintir orang yang berhutang tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi. Oleh itu, mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada kerana Allah Subhanahu Wata'alaa akan memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang-orang yang ingin melunaskan atau melangsungkan hutangnya.

Dalam Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud: "Siapa yang mengambil harta manusia (berhutang) disertai maksud akan membayarnya maka Allah akan membayarkannya untuknya, sebaliknya siapa yang mengambilnya dengan maksud merosakkan (merugikannya) maka Allah akan merosak orang itu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Oleh itu, ilmu pengurusan kewangan sangat penting dalam membantu seseorang itu mengurus dan membayar hutang dengan lebih berkesan. Jadilah individu yang bertanggungjawab dengan merancang kewangan dengan lebih teratur dan juga elakkan pembaziran kepada perkara-perkara yang tidak berfaedah. - Ketua Penyuntingan (Kr)

KUNJUNGAN HORMAT BINCANG USAHA MEMPERKUKUH KERJASAMA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Turut hadir, Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Perbincangan antara kedua-dua pihak menyentuh hubungan erat antara EU dan ASEAN serta usaha-usaha berterusan dalam memperkuuhkan kerjasama.

Pada masa yang sama,

kedua-dua pihak juga turut menekankan kepentingan memperluaskan hubungan dengan rakyat (people-to-people), khususnya dalam memberi lebih banyak peluang kepada golongan belia.

Dengan semangat kerjasama yang lebih kukuh, kedua-dua pihak berharap ia akan membawa manfaat besar serta menyumbang kepada masa depan yang lebih makmur bagi kedua-dua rantau EU dan ASEAN.

YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Kaunselor Kanan Hal Ehwal Parlimen bagi Delegasi Kesatuan Eropah (EU), Antoine Ripoll yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis berkenaan.

Ramah Mesra Hari Raya eratkan ukhuwah, keharmonian

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dan seterusnya bergambar ramai (atas dan kanan).

>> Muka 1

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan

Kewangan), Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan isteri, dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan isteri.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU serta



golongan mualaf, para belia dan beliananis mualaf, belia dan beliananis masjid dan Muslimah Masjid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Majlis terus dimeriahkan lagi

dengan kunjungan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan datin serta rombongan mengunjungi dan beramah mesra bersama warga KHEU di setiap reruai (booth) dan menikmati juadah yang disediakan. Acara kemuncak majlis pada hari tersebut ialah pengumuman dan penyampaian hadiah bagi reruai tercantik.

Di samping menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di negara ini, khususnya di peringkat kementerian, ia merupakan salah satu kegiatan sosial berkebajikan warga KHEU bagi mengeratkan lagi ukhuwah yang mesra dan harmoni sesama warga kementerian berkenaan serta pihak-pihak yang berkepentingan.

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja.

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

Peringatan

Changgu hilang mengemaskini bukti selesaian tesis di Aduan PSCR, atau tidak lengkap bersesuaian, sebaik dan sebelum membuat permohonan penempatan, ia belum mengemaskini bukti selesaian tesis yang diluluskan oleh universiti atau institut yang diajukan.

Saya mengetahui bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

POUP UP PENGETAHUAN SEBELUM MENGADAKAN PERMOHONAN

MEMBACA ASAS KEPADA KEMAJUAN SERTA KEBAHAGIAAN DUNIA, AKHIRAT



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwel Ugama

>> Muka 1

Turut menyemarakkan acara Malam Munajat berkenaan ialah para pelajar dan tenaga akademik Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB); Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Turut serta ialah warga kerja

KHEU bersama keluarga serta individu yang hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Selaras bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Awangku Adi Nazri bin

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama turut hadir menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwel Ugama kali Ke-180.

ITQSHHB dari Musolla institut berkenaan. Kemudiannya, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, iaitu peserta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkeu>.

Ihya Eid Mubarak KUPU SB semarakkan Aidilfitri



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama semasa hadir menyerikan Ihya Eid Mubarak yang diadakan di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Walaupun bulan Syawal hampir sampai ke penghujungnya, kemeriahannya masih dirasakan dan diraikan dengan penuh rasa muhibah dan kesyukuran.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tidak ketinggalan menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengungkayahkan Ihya Eid Mubarak pagi ini, di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis KUPU SB, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta dari negara sahabat, jemputan-jemputan khas dan warga KUPU SB.

Majlis turut diserikan dengan Tayangan Video Sketsa dan

Ucapan Hari Raya serta Persembahan Syair dan Tausyeh daripada mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Adapun objektif majlis ini diadakan antara lain untuk menzahirkan rasa syukur atas nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala dengan berkongsi kegembiraan bersama, di samping mengukuhkan jalinan kerjasama dan silaturahim sesama warga KUPU SB.



ANTARA persembahan dari mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB pada majlis berkenaan.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN KECEMASAN, MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA KESIHATAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

kita melangkah ke hadapan dengan satu langkah penting dalam mengiktiraf dan memperkasa bidang penjagaan kecemasan.

Penubuhan BECS kata Yang Berhormat, adalah satu inisiatif yang tepat pada masanya dan amat terpuji, kerana ia mencerminkan tahap kematangan dan profesionalisme sektor penjagaan kesihatan kita yang semakin berkembang, serta komitmen bersama terhadap kecemerlangan.

"Persatuan ini diilhamkan sebagai sebuah badan profesional bebas dan pelbagai disiplin yang merangkumi doktor perubatan kecemasan, jururawat, paramedik, serta pengamal perubatan lain yang terlibat dalam pelbagai bidang penjagaan kecemasan di NBD.

"Objektifnya adalah bercita-cita tinggi dan amat penting," ujar Yang Berhormat lagi.

Hari ini jelas Yang Berhormat,

Daripada mempromosi pendidikan dan latihan lanjutan tambah Yang Berhormat, kepada meningkatkan kesedaran awam mengenai peranan penting yang dimainkan oleh para profesional kecemasan.

Selain itu menurut Yang Berhormat, daripada menyokong penyelidikan akademik dan pembangunan garis panduan kebangsaan kepada menjalin hubungan dengan rakan-rakan antarabangsa.

"Dan daripada mempertingkatkan komunikasi sesama pengamal, kepada memperjuangkan aktiviti kemasyarakatan dan kesiapsiagaan kecemasan.

"Persatuan ini bukan sahaja memperjuangkan kepentingan ahlinya, tetapi juga sedang membina asas untuk NBD yang lebih selamat dan lebih bersedia.

"Bagi pihak Kementerian Kesihatan, saya ingin menyatakan sokongan penuh kami kepada BECS.

"Matlamat BECS sejajar dengan strategi kesihatan negara kita,

khususnya dalam memperkuuh kesiapsiagaan kecemasan, membangunkan tenaga kerja kesihatan yang berkemahiran tinggi, dan memastikan penyampaian penjagaan yang berkualiti tinggi serta berpusatkan pesakit," ujar Yang Berhormat lagi.

Seterusnya jelas Yang Berhormat, mereka komited untuk bekerjasama rapat dengan BECS dalam membangunkan kerangka kerja yang akan memperkasa penyediaan penjagaan kecemasan, menggalakkan inovasi, dan meningkatkan standard klinikal agar setaraf dengan amalan terbaik antarabangsa.

Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli pengasas BECS, serta semua yang telah bekerja keras di belakang tabir untuk merealisasikan visi berkenaan selain kepimpinan dan dedikasi mereka amat dihargai.

Kepada para profesional penjagaan kecemasan tekan Yang Berhormat, sama ada awda berada di barisan hadapan di Jabatan

Kecemasan, di lapangan bersama perkhidmatan ambulans atau menyokong sistem dan latihan, kami menghormati komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menyelamatkan nyawa.

Apabila melihat ke masa hadapan tambah Yang Berhormat, mereka mesti terus teguh dalam misi bersama untuk membina sistem penjagaan kecemasan yang kukuh dan bersepadu, iaitu satu sistem yang bersedia menghadapi cabaran masa kini, dan cukup berdaya tahan untuk mendepani hari esok.

"Biarlah persatuan baharu ini menjadi platform untuk kerjasama, pertumbuhan, dan advokasi, satu suara penyatu yang mewakili yang terbaik dalam penjagaan kecemasan di NBD.

"Bersama-sama, marilah kita berusaha ke arah satu sistem penjagaan kesihatan di mana setiap kecemasan dihadapi dengan kesiapsiagaan, setiap pengamal diberi kuasa, dan setiap nyawa dihargai," ujar Yang Berhormat lagi.

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin**

>> Muka 1

Mereka tambah Yang Berhormat, adalah ketenangan di tengah-tengah kekacauan, dan tangan yang cekap ketika negara kita berada dalam saat paling genting.

Hari ini jelas Yang Berhormat,

BECS : Meningkatkan tindak balas, kepimpinan, penyediaan penjagaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 April. - Penubuhan Persatuan Penjagaan Kecemasan Brunei (Brunei Emergency Care

Society-BECS) menandakan permulaan satu inisiatif penting, iaitu sebuah persatuan yang dibentuk oleh dan

untuk para pegawai kecemasan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

BECS ditubuhkan bagi tujuan

untuk menyatukan pegawai kesihatan daripada perkhidmatan pra hospital hingga ke hospital, dengan komitmen bersama untuk meningkatkan tindak balas, kepimpinan dan penyediaan penjagaan.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Presiden BECS, Dr. Ang Swee Hui dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Pelancaran BECS yang berlangsung di Mutiara Ballroom, Radisson Hotel Brunei Darussalam, di sini.

Penubuhan BECS jelasnya, menandakan lembaran baharu bagi sektor penjagaan kesihatan NBD yang komited untuk memajukan piawaian perubatan kecemasan serta memupuk kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Misi BECS terangnya, adalah berdasarkan kepada garis panduan dalam perlumbagaannya, iaitu untuk menyokong pendidikan dan latihan klinikal, mempromosi penjagaan kesihatan terbaik, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan, memperkuuh kesedaran awam, dan membina perkongsian yang berpanjangan secara tempatan dan antarabangsa.

Dalam usaha mencapai misi berkenaan tekannya, BECS akan menganjurkan persidangan profesional, melaksanakan program latihan, membangunkan garis panduan klinikal negara yang

berasaskan 'Evidence-based Medicine' serta memudahkan pembangunan profesional berterusan untuk ahli-ahlinya.

Persatuan berkenaan juga ujarnya, komited untuk melibatkan masyarakat melalui inisiatif latihan 'Basic Life Support', kesiapsiagaan bencana, serta kempen kesedaran awam mengenai tindak balas kecemasan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat juga menyampaikan ucapan dan seterusnya secara rasmi melancarkan BECS.

Majlis juga diisikan dengan ucaptama yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Perubatan Kecemasan Asia, Dr. Pauline F. Convocar; penyampaian Keahlian Sepanjang Hayat Kehormat kepada Tokoh Utama dalam perubatan kecemasan, kejururawatan kecemasan dan perkhidmatan ambulans perubatan kecemasan, pameran mengenai kecemasan, dan diakhiri dengan Mesyuarat Agung Tahunan.

Hadir sama ialah pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan, Superintenden Perubatan, Pengarah Perkhidmatan Hospital, Ketua Perkhidmatan Kejururawatan, serta wakil-wakil daripada persatuan perubatan dan kesihatan.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Jumlah perdagangan Februari 2025 catat BND1,794.2 juta

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Jumlah perdagangan bagi Februari 2025 adalah sebanyak BND1,794.2 juta, yang terdiri daripada eksport berjumlah BND1,130 juta dan import berjumlah BND664.2 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api

galian sebanyak 68.6 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 26 peratus dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 3.4 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Republik Rakyat China sebanyak 24.8 peratus, diikuti Jepun dan Australia, masing-masing sebanyak 22.8 peratus dan 22.7

peratus.

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, import pada Februari 2025 bernilai BND664.2 juta. Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian, menyumbang sebanyak 70.7 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 8.8 peratus, dan makanan sebanyak 7.7 peratus.


Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 39.1 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu sebanyak 17.1 peratus, dan Papua New Guinea sebanyak 10.9 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, makanan dan juga bahan kimia.

Bandingan Januari 2025, imbalan perdagangan menurun sebanyak 9.9 peratus pada Februari 2025. Ini didorong oleh penurunan eksport dan import masing-masing sebanyak 8.1 peratus dan 6.8 peratus.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemprosesan barang perantaraan sebanyak 62.0 peratus, diikuti oleh barang modal bagi operasi perniagaan sebanyak 34.7 peratus, dan barang penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.3 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa bagi Februari 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

PERANGKAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA FEBRUARI 2025



KEMERIAHAN HARI RAYA BERSAMA EX-HBG MAK TAB SOAS



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai pada Majlis Reunion Santai Silaturahim bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort (atas dan bawah kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

MUKIM MENTIRI, Ahad, 27 April. - Suasana kemesraan lebih akrab terjalin dalam kalangan mantan-mantan penghuni asrama (Ex-HBG) Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (Maktab SOAS) menerusi Majlis

Reunion Santai Silaturahim bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada kali ini.

Majlis yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort itu turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin. Keceriaan sambutan tampak lebih meriah dengan kehadiran lebih 100 orang yang datang untuk memeriahkan majlis pagi tadi.

Selain mengimbaskan kenangan lalu, perjumpaan para mantan penghuni

asrama secara tidak langsung sedikit sebanyak merasa keceriaan semasa mereka kecapi dalam pengalaman 50 tahun lalu.

Majlis perkumpulan seumpama ini jelas memperlihatkan suatu kemudahan untuk bersua muka dan ramah mesra sesama sendiri dalam

satu tempat berikut mereka yang tinggal berjauhan dan di luar daerah.

Acara juga dimeriahkan dengan menonjolkan bakat melalui acara berbalas pantun dan juga nyanyian daripada jemputan-jemputan yang hadir.



Tingkatkan pengetahuan, kemahiran menyampaikan lagu dakwah, puisi Islam



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KULAPIS, Sabtu, 26 April. - Bagi mengeratkan lagi silaturahim yang sedia terjalin dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan tenaga pembimbing dan Muslimah masjid

lebih-lebih lagi dalam suasana meraikan keberkatan dan kemeriahkan Hari Raya Aidilfitri, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM)

ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir dan menyertai salah satu persembahan pada program tersebut (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada program berkenaan.

dengan kerjasama Ahli Jawatkuasa Takmir (AJKT) Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis pagi tadi mengungkapkan program keagamaan bagi para tenaga pembimbing Kelas Bimbingan dan Muslimah seluruh negara.

Program tersebut diadakan di Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Program antara lain bertujuan untuk menambah pengetahuan dan kemahiran dalam penyampaian lagu-lagu dakwah dan puisi Islam di samping memberi peluang kepada para tenaga pembimbing dan Muslimah



untuk menyertai dalam program keagamaan.

Selain itu, ia juga dihasratkan untuk menyemai rasa kasih sayang dan kemesraan dalam kalangan tenaga pembimbing dan Muslimah serta para jemputan.

Hadir sama pada majlis tersebut, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti

Haji Awang Asbi.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan daripada beberapa buah kumpulan Muslimah.

PENYAMPAIAN SIJIL BAGI HAKIM MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi sempurna

dilaksanakan selama tiga malam berturut-turut, iaitu pada 24, 25 dan 26 Syawal 1446H bersamaan 22, 23 dan 24 April 2025M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,

PAKATAN anjur Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin,
Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 26 April. - Umat Islam di negara ini masih lagi terus meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi.

Sehubungan dengan itu, Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) petang tadi mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri persatuan berkenaan bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis berlangsung di Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, di sini.

Majlis berkenaan diserikan lagi dengan beberapa persembahan nyanyian daripada ahli-ahli PAKATAN dan juga pertukaran hadiah dalam kalangan ahli yang hadir.

Majlis juga diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma untuk Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong yang diserahkan kepada tetamu kehormat majlis.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) (atas sekali). Manakala gambar atas, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Berakas.

Pemakluman Keputusan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M telah diumumkan pada hari ketiga musabaqah oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, selaku Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah berkenaan.

Sehubungan dengan itu, seramai 16 hakim yang dilantik

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para penerima (atas kiri dan atas).

bagi musabaqah berkenaan telah menerima sijil masing-masing pada Majlis Penyampaian Sijil Kepada Hakim-hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M baru-baru ini bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil berkenaan,

Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, serta ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan KHEU.

NBD komited memupuk budaya dinamik, melindungi warisan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa menghadiri Forum Kerjasama Kebudayaan Asia+ (Asia Cultural Co-Operation Forum+ - ACCF) Ke-13 dari 22 hingga 23 April 2025 di Hong Kong.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

HONG KONG, Ahad, 27 April. – Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafeloh, telah menghadiri Forum Kerjasama Kebudayaan Asia+ (Asia Cultural Co-Operation Forum+ - ACCF) Ke-13 dari 22 hingga 23 April 2025 di Hong Kong.

Forum yang bertemakan 'Connect, Create, Engage : Bridging Cultures for All' berkenaan telah dipengerusikan oleh Setiausaha Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Hong Kong, Rosanna Law.

Sebanyak 17 buah negara menyertai forum berkenaan, termasuk peserta dari negara *Belt and Road*.

Forum berkenaan menekankan kepentingan seni, budaya dan warisan dalam menghubungkan pelbagai budaya di rantau tersebut, selain memberi inspirasi kepada kreativiti serta

memperkasa komuniti budaya terutamanya dalam era kemajuan teknologi digital masa kini..

Di samping itu, forum tersebut juga menyentuh tentang perubahan pelbagai dimensi dalam memasuki era ketegangan geopolitik dan perang tarif yang tidak menentu, serta kesannya terhadap seni dan budaya.

Semasa forum tersebut, Dr. Siti Norkhalbi menegaskan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memupuk budaya dinamik dan melindungi warisan dengan meningkatkan penyertaan masyarakat melalui program inklusif dan memperkasa keupayaan bakat kreatif negara.

Dr. Siti Norkhalbi turut berkongsi pencapaian NBD dalam menubuhkan Pusat Sejarah Brunei (PSB) sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei, pelancaran ASEAN Walk yang menampilkan arca lengkap daripada semua 10 Negara ASEAN serta usaha

kerjasama antara NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura dan Thailand dalam kejayaan pendaftaran Kebaya ke dalam Senarai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO (UNESCO Intangible Cultural Heritage).

Turut serta mengiringi Dr. Siti Norkhalbi ialah Ketua Pegawai Muzium dan Pengurus Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, KKBS, Dayang Hakimah binti Sufian.

Satu sesi pleno juga telah diadakan di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong di mana Dayang Hakimah telah menyampaikan pembentangan bertajuk 'From Strategy to Implementation : A Brunei Darussalam Journey' yang berkongsi kejayaan NBD dalam kebudayaan dan industri kreatif.

ACCF+ merupakan sebuah platform anjuran Hong Kong yang bertujuan untuk mempromosi kerjasama budaya dan pertukaran budaya dengan pelbagai negara, dan telah mewujudkan reputasinya sebagai acara utama dalam kerjasama budaya.

MAJLIS ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG RAIKAN 101 PELAJAR SMPAPHM

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 26 April. - Seramai 101 pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang bagi Peperiksaan Awam BC GCE Peringkat 'O' dan IGCSE Tahun 2024, yang berlangsung di Dewan Utama, sekolah berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 11 pelajar yang memperoleh kredit dalam semua mata pelajaran dan sekurang-kurangnya mendapat 15 Agregat ke bawah dalam enam mata pelajaran BC GCE Peringkat 'O'

menerima Anugerah Pelajar Cemerlang.

Manakala, seramai 17 pelajar yang telah memperoleh Gred A* dalam mata pelajaran BC GCE Peringkat 'O' level menerima Anugerah Pencapaian Kepujian A*.

Penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon, selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapannya, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, berkata, keprihatinan ibu bapa dan penjaga dalam memantau pelajaran anak-anak, menghadiri mesyuarat akademik serta menyokong aktiviti sekolah adalah satu bentuk motivasi besar yang menyumbang kepada pencapaian membanggakan kepada pelajar dan pihak sekolah.

"Kejayaan tidak akan tercapai tanpa disiplin dan pengorbanan. Pelajar yang berdisiplin akan lebih mudah berjaya kerana mereka tahu mengurus masa, mematuhi peraturan dan menghormati orang lain," ujarnya.

Justeru, beliau menambah, pendidikan disiplin harus terus diberi keutamaan dalam membentuk generasi yang berwibawa.

Sementara itu, Pengetua SMPAPHM selaku Pengurus Majlis, Dayang Hajah Adinawati binti Haji Sarwadi berkata, para pelajar yang diraikan pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) semasa menyampaikan sijil dan hadiah kepada salah seorang pelajar pada majlis tersebut.

berkenaan telah mencapai sasaran sekolah dalam peperiksaan awam BC GCE peringkat 'O' bagi tahun 2024, iaitu memperoleh 5 'O' ke atas.

Menurutnya, keputusan peperiksaan tersebut bagi bulan Oktober / November tahun 2024 telah mencatat peningkatan yang sangat membanggakan daripada 46.7 peratus pada tahun 2023 dan meningkat kepada 71.1 peratus

sahaja, tetapi hasil daripada kerjasama semua dalam sebuah ekosistem pendidikan yang menyokong dan membina.

Pengetua SMPAPHM menambah, sekolah berkenaan juga telah memperkenalkan satu anugerah khas pada tahun ini untuk pelajar yang terlibat secara aktif dalam kegiatan kurikulum sama ada di peringkat sekolah, kebangsaan maupun antarabangsa bagi menghargai pencapaian lebih holistik dalam kalangan pelajar.

"Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang bukan sahaja mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan BC GCE Peringkat 'O', tetapi turut menunjukkan kecemerlangan dalam aspek pembangunan diri secara menyeluruh serta telah mengharumkan nama sekolah sama ada dalam negara maupun di peringkat antarabangsa," katanya.

Jelas beliau, kejayaan tersebut bukan hasil yang bersifat individu

sahaja, tetapi hasil daripada kerjasama semua dalam sebuah ekosistem pendidikan yang menyokong dan membina.

Pengetua SMPAPHM menambah, sekolah berkenaan juga telah memperkenalkan satu anugerah khas pada tahun ini untuk pelajar yang terlibat secara aktif dalam kegiatan kurikulum sama ada di peringkat sekolah, kebangsaan maupun antarabangsa bagi menghargai pencapaian lebih holistik dalam kalangan pelajar.

"Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang bukan sahaja mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan BC GCE Peringkat 'O', tetapi turut menunjukkan kecemerlangan dalam aspek pembangunan diri secara menyeluruh serta telah mengharumkan nama sekolah sama ada dalam negara maupun di peringkat antarabangsa," katanya.

Majlis tersebut merupakan acara tahunan SMPAPHM yang bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf pencapaian akademik pelajar, selaras dengan usaha sekolah dalam melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan berwawasan.

Eratkan silaturahim melalui Majlis Bedudun Hari Raya Aidilfitri



MAJLIS Bedudun dan Silaturahim Hari Raya Aidilfitri dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS Brunei yang diadakan di Dubai Hall, The Airport Mall.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Sabtu, 26 April. - Meskipun bulan Syawal kini berada dalam minggu terakhir namun sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terus giat disambut oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Pertubuhan WARGAMAS Brunei telah menganjurkan Majlis Bedudun dan Silaturahim Hari Raya Aidilfitri bagi kalangan ahli-ahlinya bertempat di Dubai Hall, The Airport Mall.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti

dengan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Pengurus Besar, Al-Afiah Hotel, Awang Md. Aziz bin Haji Mahit selaku wakil peribadi kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Majlis diserikan dengan persembahan daripada Pertubuhan WARGAMAS Brunei

dan diselajurkan dengan penyampaian Anugerah Khas kepada wargamas yang berumur 100 tahun yang digelar wargamas centenarian dan Anugerah Khas Wargamas Platinum, iaitu yang berusia 80 tahun ke atas dan diakhiri dengan acara cabutan bertuah.

Majlis bertujuan untuk mempererat lagi silaturahim antara ahli-ahli dan merupakan salah satu kegiatan sosial berkebajikan yang lebih mesra dan harmoni sesama ahli-ahli serta menerapkan nilai-nilai yang lebih positif dalam hubungan ibarat sebuah keluarga.



جاتر سکاچي چواچا بروفي دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department



جاتر سکاچي چواچا بروفي دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda



جاتر سکاچي چواچا بروفي دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department



جاتر سکاچي چواچا بروفي دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDEREAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

BERKONGSI KEGEMBIRAAN AIDILFITRI



SUASANA pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pelajar dan warga kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (kiri, kanan dan bawah kiri)



BENGKURONG, Sabtu, 26 April. - Bagi berkongsi kegembiraan dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri, Malar Setia Group of Companies telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama pelajar serta warga kakitangan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), hari ini bertempat di Dewan Pusat Ehsan, Kampung Bengkuron.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Turut hadir, Pemegang Amanah Kanan, Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Guru Ugama pusat berkenaan, Awang Sanif bin Haji Tarip.

Sementara itu, Dato Paduka Mohd. Alimin dalam ucapan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



alu-aluan mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sumbangan dan bantuan kepada Pusat Ehsan.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian sumbangan derma yang disampaikan oleh Pengurus Eksekutif / Pengarah Malar Setia Sdn. Bhd., Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Metasim; Pengurus Syarikat Perniagaan Muneera, Awang Chia Tet Shin; dan Pengurus Syarikat Aewon

Garment & Embroidery, Lau Chai Seng kepada tiga buah organisasi bukan kerajaan.

Bagi pihak Pusat Ehsan, sumbangan diterima oleh Pengiran Datin Hajah Noraini; sementara bagi pihak Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) pula diterima oleh Bendahari KACA, Awang Haji Roslan bin Haji Hassan; manakala bagi pihak Persatuan SMARTER diterima oleh Presiden Persatuan, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Mengapresiasi karya sastera, mengangkat martabat bahasa Melayu



SEKITAR Pantaran Sastera DBP: Bedah Karya, 2025 yang berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (atas kiri dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BERAKAS, Sabtu, 26 April. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengungkapkan Pantaran Sastera DBP: Bedah Karya, 2025 secara hibrid, iaitu di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas serta melalui penstriman langsung Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Dua buah karya sastera diapresiasi melalui dua sesi, iaitu Sesri I Bedah Karya Kumpulan Sajak Cintaku di Ufuk Timur karya Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kadar, yang dibicarkan oleh Penolong

Profesor, Pengajian Bahasa Inggeris, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Sarah Hanaa binti Haji Ahmad Ghazali; dan Sesi II Bedah Karya Kumpulan Sajak Warisan Abadi karya Chong Ah Fok, yang dibicarkan oleh Timbalan Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr. Haji Rozaiman bin Makmun.

Projek diadakan sebagai usaha mengembangkan kegiatan sastera di Negara Brunei Darussalam dalam mengapresiasi karya sastera; mengangkat martabat Bahasa Melayu melalui kegiatan sastera; memberi kefahaman dan penghayatan terhadap perkembangan sastera tanah air;

menjadi sumber rujukan dan panduan para pelajar, peminat sastera dan memperkaya ilmu pengetahuan dalam bidang sastera yang dibicarkan.

Kegiatan ini diharap dapat memupuk nilai-nilai pemedulian dan perkongsian pengalaman serta pengetahuan para penulis tanah air, penggiat seni sastera, pengkaji, peneliti, ilmuwan dan cendekiawan sastera.

Impak daripada pembicaraan karya sastera ini nanti, akan dimuatkan dalam jurnal Pangatura, Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara sebagai sumbangan sastera terhadap pembinaan dan pengembangan sastera lokal.

Di samping itu juga, projek ini diusahakan untuk memperkenalkan tokoh-tokoh

penulis, dan karya sastera tempatan, serta dimanfaatkan bersama oleh para intelektual

sastera, pengkaji sastera, penulis sastera dan peminat sastera.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

The app interface shows a search bar at the top, followed by a list of items with their prices and descriptions. At the bottom, there are buttons for 'APLIKASI' and 'PENGUNABIJAK'. The background features a blue gradient with some text in Arabic and English.

TAKLIMAT PASTIKAN KELANCARAN PERJALANAN BAKAL JEMAAH HAJI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BERAKAS, Ahad, 27 April. - Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) selaku syarikat pengendali pakej haji utama di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Taklimat Pengurusan dan Perkhidmatan Pakej Haji bagi bakal Jemaah Haji Pakej DSSB bagi Musim Haji 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Munawarrah Hall 1, Level 7, Setia Point, Berakas, hari ini.

Taklimat disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB), Awang Haji Mahmud bin

Haji Mohamed dan dibahagikan kepada dua sesi utama.

Bagi sesi pertama memberi fokus kepada persiapan sebelum keberangkatan, aktiviti dan perkhidmatan sepanjang di tanah suci, manakala sesi kedua menyentuh mengenai persiapan hari wukuf di Arafah dan perjalanan pulang ke tanah air. Taklimat diteruskan dengan tayangan video khas Musim Haji 1445H / 2024M untuk memberikan gambaran lebih jelas kepada para jemaah.

Majlis turut diisikan dengan sesi soal jawab dan taklimat dari wakil



SEKITAR Majlis Taklimat Pengurusan dan Perkhidmatan Pakej Haji bagi bakal Jemaah Haji Pakej DSSB bagi Musim Haji 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Munawarrah Hall 1, Level 7, Setia Point, Berakas (atas dan kiri).

Insurans Islam Taib Holdings Sendirian Berhad. Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Pegawai Jabatan Haji dan Umrah DSSB, Awang Haji Ahmad Fadhliz Haji Damit.

Bagi musim haji tahun ini jumlah kuota 1000 jemaah yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada NBD. Seramai 506 orang bakal jemaah, mengikuti pakej DSSB yang dibahagikan kepada tiga jenis pakej iaitu Pakej Delima (Premium), Pakej Fairuz

(Sederhana) dan Pakej Zamrud (Ekonomi). Para bakal jemaah haji akan diiringi oleh 13 pegawai pengiring termasuk dua pegawai umaga.

Sebanyak empat penerbangan dijadualkan membawa para jemaah ke tanah suci yang akan bertolak pada 15 Mei 2025 bagi penerbangan pertama manakala penerbangan kedua akan bertolak pada 16 Mei 2025 sementara penerbangan ketiga pada 17 Mei 2025 dan penerbangan keempat

pada 18 Mei 2025.

Pada majlis tersebut DSSB juga mengajukan cenderahati berupa bagasi, barang keperluan dan buku panduan Manasik Haji kepada setiap jemaah.

Untuk memastikan kelancaran pengurusan di tanah suci sebelum ketibaan para jemaah, seramai empat pegawai DSSB, diketuai oleh Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed, akan berlepas lebih awal ke Arab Saudi pada 4 Mei 2025 ini nanti.

Pendingin hawa di Pusat Kesihatan Berakas jalani kerja pemberaan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Bagi memastikan usaha penambahbaikan yang berterusan, kemudahan yang selesa dan perkhidmatan yang terbaik diberikan di semua fasiliti

kesihatan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pusat Kesihatan Berakas pada masa kini sedang menjalani kerja-kerja pemberaan Sistem Pendingin Hawa (AHU).

Kerja-kerja pemberaan Sistem AHU Pusat Kesihatan berkenaan dijangkakan akan mengambil masa selama tiga bulan sehingga bulan Julai untuk disiapkan sepenuhnya.

Sepanjang tempoh ini, beberapa langkah sementara telah dilaksanakan bagi mengurangkan ketidakselesaan kepada para pesakit, pengunjung, dan kakitangan.

Sebagai usaha segera, beberapa penempatan kipas angin

dan mesin penyejuk udara (coolers) telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang terjejas.

Usaha untuk mendapatkan tambahan peralatan penyejukan ini sedang dipergiat bagi memastikan suasana lebih selesa dapat dikekalkan sepanjang tempoh pemberaan berlangsung.

Di sepanjang tempoh kerja-kerja pemberaan Sistem AHU ini dijalankan, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama para pengunjung untuk berhati-hati dan

memberi perhatian terhadap sebarang arahan yang dikeluarkan demi keselamatan bersama.

Kementerian turut menghargai kesabaran dan sokongan orang ramai sepanjang tempoh pemberaan ini. Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan: www.moh.gov.bn atau media sosial rasmi Instagram Kementerian: @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.


NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
 BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya



 mkkjrbrunei
  www.mkkjr.gov.bn


MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menjamin Kesihatan, Kesejahteraan Ibu & Anak.' Tarikh Tutup : 30 April 2025
2. 'Persiapan Menghadapi Krisis Ekonomi Global.' Tarikh Tutup : 7 Mei 2025
3. 'Impak Kenaikan Kos Sara Hidup.' Tarikh Tutup : 14 Mei 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

سرداله سري

مبنترس ڤيلودون تغکو غجواب برسام

دندوڠ اتاو تيدق اد کسدرن سیویق دالم کالفن مشارکت، مك فرکارا این
اکن منداشکن کسن دان یعنی نیکاتیف ڦد کعمورن، کسلامن دان
کستایلن سوسیو-ایکونومی نکارا.

جماعه یعن درجمی الله،

اکیوبینی-اکیوبینی ڤيلودون نیباوا باق کسن بوروچ دان معقیتکن
کروکن ڦد نکارا، انتاراں ای مغورغکن فنداڻن نکارا ملالوی کوتیشن
حاصل جوکای، مغلکالقکن برلاکون اکیوبینی جنایه، میری کسن نیکاتیف
ڦد ایندوستري دالم نکارا دمان فنیا یعن جوچور اکن نیباير جوکای تنافي
ڤيلودون دعن سویچ-وینچ مرایه کاؤنون غن تھا نیباير سیارغ جوکای.

سسوغکون تغکو غجواب اونتوک میشکن کسجهہرأن نکارا این
تیدق هان ترلئن دیاھو ڦیھق برکواس، ماله مروفاکن امانه برسام یعن هاروس
دیکول اولیه سیاھ لافیسن مشارکت. جوسزو، ماریله کيت برکنديع باھو
دان برستاو تناک دالم منونیکن تغکو غجواب کيت، دمي منجای کعمورن
دان کستایلن ایکونومی نکارا، دعن مبتو ڦیھق کراجاڻ دالم میشورس دان
میرهشیکن اکیوبینی ڤيلودون بارغن یعن دکھ سفرتی میشور من کراس، روکوق،
داکیع یعن دراکوهي کحالنن دان سپاکاین، دعن ملافورکن کفڈ جاپن
کست دان ایکسایس دراج جک کيت مغوریا یعن معلومت تنش اکیوبینی
ڤيلودون. سام-سامله کيت بکرجاسام دان برکنديع باھو دالم منجکه
اکیوبینی ڤيلودون این.

آخر، ماریله کيت سیاس ھیدوڻ سالیع تولوغ-منولوغ دان بتتو-
مبتو کاره فرکارا یعن بايک دان برکاجيف. موده-مودهن دعن یعن دمکن،
نکارا کيت اکن بیس دری سیارغ جنایه، ککل منجادی نکارا یعن امان
سجهہرأن دان ستمیاں منداشت فرلیندوون سرت رحمة یعن برتووسن دردق الله
سنجھائے ٿئال. آمين يا رب العالمين.

تفسیر:

دان تولوغ-منولوغه کامو دالم کباجيفن دان کھوان دان جاڻله
تولوغ-منولوغ دالم دوسا دان فرموسوهن (ملکر حکوم-حکوم الله). دان
برتقوی له کفڈ الله. سسوغکون الله ساغت برست سیقسنه.

{سورة المائدۃ آیة: ۲}

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وَنَعْمَلُ بِالآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَنَقْلِ مِنْ تَلَاقِهِ إِلَهٌ
هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِي فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَلِجَاهِ الْمُتَّابِنِ.

برديام ديري دالم فرکارا موځکر سفرتی ڦرایعن یعن ترکندوڠ دالم حدیث
رسول الله ﷺ درقد هشیم رضی الله عنه بهاوا دی مندغرس رسول الله
صلی الله علیه وسالم وعلی سید المرسلین ما من قوم يَعْمَلُ فِيهِمْ بِالْمُعَاصِي، مَمْ يَقْدِرُونَ عَلَىْ أَنْ
يُغَيِّرُوا، مَمْ لَا يُغَيِّرُوا، إِلَّا يُوشِكُ أَنْ يَعْمَلُهُ اللَّهُ مِنْهُ بَعْدَهُ.

مقصوده: "تیدقله کمعصین یعن دلاکون اویه سواتو قوم، کمودن مریک
(سپاکین درقد مریک) مقو اوڌنون مغوبهن تنافي مریک تیدق ٻربوٽ
سلمیکان، ملادنکن الله سنجھائے ٿئال اکن ٽیماڪن کسلورون قوم ترسبوٽ
دعن عذاب." {حدیث رواية أبو داود}

جماعه یعن درجمی الله،

سپاکای رعيت دان ٺيلودون یعن جيٽاڪن نکارا، کيت برتعکو غجواب
اوڌنون ماتوهی سکل فراتورن دان اوندغ-اوندغ یعن دتٺکن اویه ڦېرينه،
اکر کسجهہرأن دان کھرمونین نکارا دافت دکلکن. انتارا اجيسي
کسلامن کراجاڻ یعن داماڻهکن دان ڏفترتعکو غجوابکن اوڌنون مغلكن

کسجهہرأن دان کھرمونین نکارا ایاله جاپن کست دان ایکسایس دراج یعن
برتعکو غجواب مبتوس دان منجکه دری برلاکون جنایه دان ایسو ڦيلودون
رنس سهادن دنکارا این، یاپت دعن مغابر سهادن دفوس-قوس کاول دان
منتاو کماسوکن بارغن دنکارا کيت ملالوی اودارا، اپر دان دارت. ڦغاولن

اين برتوچون باکي مسٹيکن بهاوا بارغن یعن دباوا ماسوق اتاو ڪلوار دری
نکارا اين اداله سلامت دان مغوریا ڦرمیت دمي منجاد کمصلحن دان
کسجهہرأن مشارکت تراوتام دری سکي اسقیک بارغن تکهن دان سکن.

فریوانن ڦيلودون بوکن سهاج دسپیکن اوڌنون ملاریکن ديري درقد
مبایر جوکای کست دان چون جوک اوڌنون ملاریکن ديري درقد منداشکن
فرمیت دان کېنون اوڌنون نیباوا ماسوق بارغ-بارغ ترکاول ترسبوٽ. سلاین
ایت، ڦيلودون بوکن سهاج برلاکو کائس بارغ تکهن دان سکن، اکن تنافي
ڦيلودون جوک برلاکو کائس بارغ-بارغ برسيسيدي کراجاڻ.

اولیه یعن دمکن، سپاکای رعيت دان ٺيلودون نکارا این، کيت هندقله
ستیاس منفعنکن فیبرین سیسیدی کراجاڻ یعن دبریکن کران ای برتوچون
باکي مبتو مريشكن ین رعيت نکارا اين. کيت هندقله برتعکو غجواب دالم
ملیهارا دان منجاد بارغ برسيسيدي یعن دبریکن اویه ڦیھق کراجاڻ سفرتی
مبيچ کندران، برس دان ساومقامان. یعنله، سکرمان مسئله ڦيلودون اين تیدق

جماعه یعن درجمی الله،
برتقوی له کيت کحضرۃ اللہ سنجھائے ٿئال دعن منیعکن کلماڻ کفڈن.
سیغکون اورغ یعن فالیغ مليا دسیسی الله سنجھائے ٿئال ایت ایاله اورغ یعن فالیغ
برتقوی. موده-مودهن کيت منجادی إنسان یعن ستیاس مغایعی الله
سنجھائے ٿئال، براؤله کڃيان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

جماعه یعن درجمی الله،
الحمد لله، کيت پرشکور کحضرۃ اللہ سنجھائے ٿئال کران دعن لمیعه رحمة
دان کاسیه سایعن، نکارا کيت بروني دارالسلام دافت منعمنی سواسان
کھیلوڻن یعن امان، دامای دان سجهہرأن.

جوسزو، کيت سلاکو رعيت دان ٺيلودون یعن برناوڠ دیومی
دارالسلام یعن برتواه این، واجب منشکوري دان ترسوس-منرس موهون
کحضرۃ اللہ سنجھائے ٿئال اکر نعمت کامان، کدامان دان کسجهہرأن این
ستیاس برکلن. ماریله کيت منشکورین دعن مغراپاچنکن ڏکر مغایعی الله
سنجھائے ٿئال، ملقتاڪن سکل فریتهن دان منجاوهي سکل لارغن. الله
سنجھائے ٿئال برفرمان دالم سورة الأحزاب آیه: ۴۱-۴۳:

تفسیر: واهی اورغ-اورغ یعن برلماڻا برڏکرله مغایعیت الله دعن ڏکر یعن
سپاچ-باچن. دان برتسیحله کفڈن قد وقو فاکی دان قشع. دیاله یعن
مغورنیاکن رحمة کفڈ کامو دان ملاڪة-سلاڪن فولا (بردعاء موهوونکن
آمدون باکی کامو) اوڌنون مغلوارکن کامو درقد ککلاڻ-ککلاڻ (کوفور)
کفڈ جهای (یمان). دان دی اداله مها فقايسی کفڈ اورغ-اورغ یعن بریمان.

جماعه یعن درجمی الله،
شريعة أکام إسلام مقاخورکن کيت اکر سالیع بتتو-مبتو دالم مسٹيکن
کسجهہرأن دان کمصلحن مانسی دالم فلباکای اسقیک کھیلوڻن بردارسکن
لهم فرینسیف اوتم مقاصد شریعة، یاپت ملبهارا أکام، باوا، عقل، کنورون
دان هر تا. ملالوی فرینسیف این، إسلام مندوروغ اوسها-اووها یعن مپویع
کفڈ فیٺکن ایکونومی، کسلامن دان کامان مشارکت.

أکام إسلام ساعت میتیشکن کامان، کسجهہرأن دان کھرمونین دالم
ھیدوڻ برکلوارک، برمشارکت دان برنکارا. کيت دتونتو تیدق برديام
ديري ترهادف کموغکرن اتاو فریوانن معصیة، کران توکس امر معروف نھی
موځکر دواچکن کفڈ سیاھ إنسان یعن مغاڪر برایمان کفڈ الله سنجھائے ٿئال
دان رسولن. الله سنجھائے ٿئال اکن منورونکن عناب جک کيت برسيکش

دعاء ممohen كقد الله سقايي قرسلامة در قد بلاء دان سكل جنیس چپاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةُ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.
بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَأَهُ وَأَلْوَاهُ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ إِلَّا يَادِيهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ الْمُحَمَّةِ وَنَفْسٌ يَعْدِدُ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِي، فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بچاءن يعْ مباوا اکبر او نتو عن ساعت بسر کقد ڦععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 04 / 25 - 26 :
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan TV

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 05 / 25 - 26 :
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Rancangan TV

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 06 / 25 - 26 :
Perkhidmatan Penggambaran,
Penyuntingan Dan Grafik Bagi
Rancangan Drama TV

**Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
30 April 2025,
jam 2.00 Petang



JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran
Sebut Harga:**
03 / JPB / SH / 2025

Keterangan:
Tawaran Sebut Harga
Membekalkan Catuan Makanan
Bagi Penjara Lelaki Maraburong
Fasa 3 (Bagi Tempoh 3 Bulan)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
6 Mei 2025
tidak lewat
jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

**Notis
Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q02
Invitation to Supply, Delivery
and Testing of A3 Color
Laserjet Printer for
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut Harga:**
BND10.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
28 April 2025

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis,
8 Mei 2025

Tarikh Tutup:
Isnin,
12 Mei 2025
Sebelum jam 9.00 Pagi



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUBERIBI / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Beribi.
Brunei III

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SULUMAPAS / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Lumapas
Brunei IV

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPANB / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan
Pembersihan Bangunan
(Housekeeping) Tempoh 24 Bulan
Bagi Sekolah Ugama Pengiran
Anak Puteri Aziemah Ni'matul
Bolkiah. Brunei IIB

**Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H / 2025M –
2026M**

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 16 Zulkaedah 1446H /
14 Mei 2025M,
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1
/ 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Design, Print, Fabricate,
And Install Posters For
The Ministry Of Primary
Resources And Tourism.

Tarikh Buka Sebut Harga :
17 April 2025, Khamis

Tarikh Tutup Sebut Harga :
22 Mei 2025, Khamis

Jam:
2.00 Petang

**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
21 April 2025, Isnin

Jam:
Semasa waktu bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply And Delivery Artemia
Cyst To Fishery Research Division

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply Of Repair Work On
Fibreglass And Hdpe Tanks At
Marine Biodiversity Centre,
Meragang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
15 Mei 2025
jam 2.00 Petang



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Pemberitahuan Tawaran

Tawaran hendaklah dialamatkan
kepada Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil dan
dimasukkan ke dalam
Peti Lembaga Tawaran Kecil,
KSSUP, Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan,
Jalan Menteri Besar
BB3910, Negara Brunei
Darussalam:-

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Selasa, 27 Mei 2025.**

JPt / TAW / 01 / 2025-2026:
Membekal Baja Sebatian NPK
12:12:17:2 Sebanyak 3,300 Beg
(50kg / Beg) Bagi Bantuan Insentif
Jabatan.

Yuran Tawaran:
BND30.00
Borang Tawaran BND15.00



PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA

Bilangan Notis Tawaran:
HMSF / TDR / 02 / 2025

Maintenance Of Turves,
Soft Landscape, Hardscape
And Desilting Of Drains At
His Majesty The Sultan's Flight
(Rimba) And Heliport
(Istana Darul Hana) Area

Bayaran Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.





Dibukakan Kepada
Konsultan-Konsultan C & S
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DDS / 11 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) Civil
and Structural Engineering
Consultancy Services for Brunei
Darussalam Drainage Master
Plan, Sg Belait and Temburong
Floodplain Management Studies.

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
KK / 85 / 2025 / UPP

Keterangan:
The Supply And Delivery Cardiac
Table And Bedside Locker For
Internal Medicine Unit At
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
20 Mei 2025.
Selasa
Jam 12.00 Tengah Hari.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:

V

Kategori:

M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 April 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
13 Mei 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 10 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sistem Hawa
Dingin Bagi
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Kerja Raya Untuk
Tempoh Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di dalam

Kelas:

II (II & III) sahaja

Kategori:
KA01 & E05 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 014 / 2025
– (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-kerja Pemindahan Kabel
Elektrik, HV dan LV di SPG 421,
Kg Subok

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Selasa,
29 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 13 Mei 2025.
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
MOFE / UPAH / T / 2025 - 1

Tajuk Tawaran:
Term Contract (36 Months)
Janitorial Cleaning /
Housekeeping Works For
Ministry Of Finance And Economy,
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran / Dokumen:
BND100.00 bagi Yuran Tawaran
dan BND5.00 bagi Yuran
e-dokumen (Jika pihak penender
memerlukan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 April 2025.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :

III & IV sahaja

Kategori:

KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
9 April 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Selasa,
29 April 2025.
Tidak Lewat dari
jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
6 Mei 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 06 / 2025

Nama Projek:
Road Circulation, Drop Off / Pick
Up Area dan Letak Kereta
Sekolah Rendah Abdul Rashid
Tanjong Maya, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

جایزه مکابی جوایز دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:
The Supply, Delivery and
Installation of Portable Kiosk
Display For Brunei Darussalam
Meteorological Department**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2024 / SH-17 (R)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
30 April 2025
sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Blok B23, Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37, Kampong
Anggerek Desa
Bandar Seri Begawan BB3713
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBB SB / SH / 2025-2026 / 08 /
BPPK / 04

Tajuk Sebut Harga:
To Supply Towing Services For
JBB SB Vehicles To Jabatan Kerja
Raya Sinarubai

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 1 Mei 2025,
jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi :**
Unit Kenderaan, Seksyen
Perkhidmatan Kenderaan Dan
Pengutipan Sampah,
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran Dan Kebersihan

Diperolehi :
Dari Depot Jabatan Bandaran,
Kg Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan



**Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]**

**Kementerian Kebudayaan, Belia
Dan Sukan**

Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
7 / APRIL / KKBS / BKBN / 1.41 /
25

Tajuk Tawaran:
Kontrak Penggal Enam (6) Bulan
Perkhidmatan Pembersihan

(Cleaning / Housekeeping /
Janitorial And Landscape
Services) Di Kem Latihan
Program Khidmat Bakti Negara
(PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Mei 2025
jam 2.00 Petang



SAMBUTAN HARI RAYA TERUS ERATKAN UKHUWAH, SILATURAHIM, KERJASAMA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail selaku Penasihat Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' semasa berucap pada majlis tersebut.

JERUDONG, Ahad, 27 April. - Penghujung Syawal terus

dimeriahkan dengan majlis-majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri yang giat diadakan sama ada di rumah-rumah kediaman mahupun di tempat-tempat kerja atau persatuan-persatuan di negara ini.

Sehubungan itu, Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi beserta ahli-ahlinya tidak ketinggalan menganjurkan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Keluarga Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bertempat di Dewan Mercury, Star Lodge Hotel, Kampung Jerudong, di sini.

Hadir pada majlis tersebut Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak bin Haji Ismail selaku Penasihat Biro Wanita MPK



ANTARA yang hadir pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Keluarga Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' (atas). Sementara gambar bawah, persembahan tausyeh oleh Bahagian Keagamaan Biro Wanita MPK Sengkurong 'B'.

Sengkurong 'B' dan isteri, Pengurus Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Dayang Hajah Rukiah binti Haji Mohd. Yassin, dan Timbalan Pengurus Biro Wanita, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mirasan.

Juga hadir, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin dan isteri, para tetamu undangan, Jawatankuasa Tertinggi dan lebih 50 ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' serta ahli keluarga masing-masing.

Acara dimulakan dengan Selawat Ibrahimiyah dan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Kamaruzaman bin Haji Jakarta.

Pemangku Ketua Kampung Sengkurong 'B', Awang Abdul Razak dalam ucapan alu-aluan antara lain menyatakan bahawa Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' telah bergiat aktif sejak ia mula ditubuhkan dengan mengadakan pelbagai

diselajurkan dengan penyerahan derma kepada anak-anak yatim dan asnaf fakir miskin di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri turut diserikan dengan persembahan tausyeh oleh Bahagian Keagamaan Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', diikuti dengan persembahan lagu Hari Raya oleh Jawatankuasa Tertinggi Biro Wanita berkenaan.

Turut memeriahkan acara ialah cabutan nombor bertuah dan pemilihan baju tercantik peserta perempuan.

Melalui acara seumpamanya, ia dihasrat dapat mengukuhkan lagi hubungan silaturahim dan ukhuwah serta kerjasama dalam kalangan semua ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' dan keluarga. Di samping itu juga bagi memberi peluang beraffa-maafan dan menzahirkan rasa kesyukuran setelah menjalani ibadah puasa selama satu bulan.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Mengukuhkan permuafakatan Ahli MPK, penduduk kampung

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman, Ihsan Jabatan Daerah Tutong



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai.

TUTONG, Sabtu, 26 April. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan buat kali kedua pada tahun ini telah diungkayahkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriam, Sesi 2024 hingga 2028.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Keriam, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Tema majlis pada tahun ini ialah 'Hari Raya Bersama Warga Emas' adalah sebagai menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada warga emas atas sumbangan mereka.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan persembahan nyanyian daripada pelajar Sekolah Rendah Keriam.

Majlis diadakan antara lain bertujuan untuk mempereratkan silaturahim dan mengukuhkan permuafakatan antara Ahli-ahli MPK dan penduduk kampung dalam sama-sama memeriahkan lagi majlis berkenaan.

IMBASAN MINGGUAN



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran daripada Qari jemputan menambahkan seri pada Program Pencinta Al-Quran Sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Ma'had Islam Brunei. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



KEMERIAHAN sambutan Hari Raya Aidilfitri daripada Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Brunei dan Muara ditambah lagi dengan hiasan pondok-pondok serta persembahan lagu raya. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SUASANA pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri anjuran Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2, Kawasan 4 dan Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau. - Foto : Saerah Haji Abdul Ghani.



ANTARA yang hadir bagi memberikan sokongan dan semangat kepada pasukan pilihan masing-masing pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Negara Brunei Darussalam, Tahun 2025 berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



ANTARA persembahan kebudayaan daripada Persekutuan Wushu Brunei dan Pasukan Tarian Singa Sekolah Menengah Chung Hwa bagi meraikan kembalinya penerbangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) ke Beijing, Republik Rakyat China. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie

SAMBUTAN HARI RAYA PERKUKUHKAN SILATURAHIM, SEMANGAT UKHUWAH



YANG Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri.



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei Lambak

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan sambutan yang ditunggu-tunggu oleh para murid di sekolah masing-masing bagi menyatakan rasa kesyukuran, kegembiraan dan kemenangan setelah sebulan berpuasa.

Oleh yang demikian, Sekolah Tunas Jaya (STJ) Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) Lambak juga

tidak ketinggalan mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri pagi tadi.

Majlis merupakan aktiviti tahunan sekolah berkenaan di mana murid - murid dapat memperlihatkan dan mempersembahkan kreativiti serta bakat mereka dalam nyanyian dan lakonan di hadapan ibu bapa dan guru-guru.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Dipertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Othman yang seterusnya menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang berjaya dalam persembahan dan lakonan.

ANTARA persembahan murid-murid sekolah berkenaan.

Tip Pendidikan



Bantu anak awda pilih kerjaya yang sesuai

Sebagai ibu bapa, awda perlu memainkan peranan dalam menyokong anak awda ke arah kerjaya pilihan mereka. Anak awda memerlukan awda untuk memberi nasihat dan bimbingan. Antara tip berguna untuk bantu anak awda adalah seperti berikut.

- **Kenali Minat dan Bakat Anak** - Perhatikan apa yang anak suka lakukan, subjek yang mereka minati, dan aktiviti yang mereka tekuninya tanpa disuruh. Minat adalah petunjuk awal kepada potensi kerjaya yang sesuai. Contohnya, anak yang suka melukis mungkin cenderung ke arah bidang seni, reka bentuk atau animasi.
- **Galakkan Perbualan Tentang Cita-cita** - Buka ruang untuk berbincang secara santai mengenai masa depan. Ini membantu anak lebih terbuka dan berfikir tentang pilihan mereka.
- **Dedahkan Pelbagai Bidang Kerjaya** - Bawa anak mengenali pelbagai jenis pekerjaan melalui buku, dokumentari, lawatan ke tempat kerja, atau pameran kerjaya. Jangan hadkan pemikiran mereka hanya kepada kerjaya yang 'biasa' seperti doktor, guru atau jurutera.
- **Dapatkan Bimbingan Profesional** - Kaunselor sekolah atau pakar kaunseling kerjaya boleh membantu anak mengenal personaliti mereka (seperti ujian kerjaya Holland Code) dan memberi cadangan bidang yang sesuai.
- **Elakkkan Memaksa Pilihan Sendiri** - Ibu bapa harus menyokong dan membimbangi, bukan memaksa. Kerjaya yang dipilih atas tekanan biasanya tidak membawa kepuasan jangka panjang.

PPNBD ADAKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI



BERIBI, Ahad, 27 April. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara, dengan kerjasama Persatuan Pengakap Daerah Tutong, Temburong dan Belait, hari ini mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 bertemakan 'Nostalgia di Hari Raya 60an-70an' bertempat di Ibu Pejabat PPNBD, Bangunan Pengakap, Beribi, di sini.

Acara ini bertujuan untuk mempererat lagi hubungan

KEMERIAHAN Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 bertemakan 'Nostalgia di Hari Raya 60an-70an' yang diadakan di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) (atas, kanan dan kanan sekali).

silaturahim dalam kalangan ahli pengakap, pemimpin, serta ahli keluarga dalam suasana Hari Raya yang penuh kemeriahian, disulami kenangan zaman 60an dan 70an.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Dipertua

PPNBD, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Abas. Juga hadir, Ketua Pesuruhjaya PPNBD, SKIP, Awang Haji Junaidi bin Hussain.

Majlis tersebut dihasratkan akan lebih merapatan dan mendekatkan yang jauh di dalam

Oleh : Aimi Sani
Foto : Aimi Sani, Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

segala bidang kepengakapan di samping dapat sama-sama berbagi dalam menikmati suasana

kemeriahian sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam kalangan ahli-ahlinya.



Mengeratkan ikatan ukhuwah alumni penuntut Maktab SOAS



SESI bergambar ramai para alumni pada Majlis Perjumpaan 50 Tahun Penuntut Tingkatan 4 Tahun 1975 Maktab SOAS yang diadakan di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd.Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 April. - Lebih 100 alumni Tingkatan 4, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) hadir pada Majlis Perjumpaan 50 Tahun Penuntut Tingkatan 4 Tahun 1975 Maktab SOAS yang diadakan di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, mantan Pengetua Maktab SOAS Tahun 1975, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Alimin bin Haji Abdul Wahab.

Majlis yang turut diselanjurkan dengan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri berkenaan diserikan dengan beberapa persembahan menarik daripada warga alumni antaranya persembahan nyanyian,

tausyeh, deklamasi sajak dan yang paling dinanti-nantikan ialah cabutan nombor bertuah dan cabutan bertuah Jubli Emas bagi empat hadiah utama.

Acara berkenaan juga julung kali ini menghimpunkan jumlah peserta yang terbanyak diwakili oleh setiap Kelas Tingkatan 4, tahun 1975 termasuk guru-guru dan tenaga kerja pada tahun berkenaan dalam sama-sama mengimbang semula kenangan,

memori serta saling mengeratkan silaturahim sesama warga guru, tenaga kerja dan para mantan penuntut.

Majlis berkenaan juga merupakan salah satu acara utama sempena Sambutan Jubli Emas Persahabatan Penuntut-penuntut Tingkatan 4 Tahun 1975 Maktab SOAS, dengan dua acara utama telah dianjurkan, iaitu Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahil di Kubah

Makam Diraja pada 19 Mac 2025 dan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Ash-Shaliheen pada 23 Mac lalu.

Adalah diharapkan dengan mengadakan majlis seumpama berkenaan akan lebih mengeratkan lagi ikatan ukhuwah penuntut-penuntut kekal hingga ke akhir hayat dan diberkati dengan kesihatan, kesejahteraan, kemakmuran dengan amalan baik yang berterusan.



Graduan tempatan hasilkan pembuatan 'leathercrafting' berkualiti

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Atelier Lai

KESUNGGUHANNYA mempelajari membuat barang kraf tangan dari kulit tidak menghamparkan apabila ia memberi pulangan yang mengalakkan. Inilah yang dijalani oleh seorang belia yang kini mengendalikan usaha membuat bag dari kulit menerusi jenamanya Atelier Lai.

Menurut pemilik Atelier Lai, Awang Muhammad Lai Jazmi bin Muhammad Silmi, 28 tahun berasal dari Lumut, Kuala Belait berkata Atelier Lai mula ditubuhkan pada tahun 2021. Ianya mengambil masa selama tiga ke lima tahun untuknya mempelajari kemahiran pertukangan kulit.

Beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Jaz dan merupakan seorang graduan berkelulusan Bachelor of Business (HONS) in International Business mempelajari ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran kraf tangan kulit daripada guru yang pernah berkhidmat di salah satu jenama yang terkenal di dunia yang membuat barang kulit buatan tangan dan mempunyai pengetahuan yang sangat mendalam tentang pertukangan kulit, lalu dia pun membina jenamanya sendiri di Zurich, Switzerland, selain turut mempelajari Leather Artisans dari Instagram dan YouTube.

"Atelier bermaksud bengkel studio di mana leathercrafting atau pertukangan kulit dibuat. Lai datang daripada nama keluarga saya. Oleh itu, lahirlah brand atau jenama Brunei iaitu Atelier Lai. Atelier Lai beroperasi sebagai *home-based studio workshop*. Antara produk-produk yang saya hasilkan adalah tempahan yang dibuat khas mengikut kehendak peribadi seperti

pemegang kad, gantungan kunci, beg genggam (*clutch*) serta pelbagai jenis rekaan bag tangan.

"Atelier Lai juga menerima tempahan Bespoke Leathergoods mengikut kehendak pelanggan (di mana rekaan tersebut boleh dibuat) dengan sentuhan *signature* Atelier Lai. Harga *leathergoods* Atelier Lai bermula dari serendah BND20 sehingga BND700. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat mendedahkan harga untuk Bespoke Leathergoods atas sebab tempahan tersebut adalah peribadi," jelasnya.

Menceritakan mengenai penubuhan Atelier Lai pada tahun 2021, Jaz mempunyai misi untuk menghasilkan barang kulit buatan tangan (*handcraft leathergoods*) yang *custom-made* ataupun *bespoke experience*, hasil buatan tangan belia Negara Brunei Darussalam (NBD) tanpa meletakkan harga seperti jenama-jenama yang terkenal di dunia ini.

Beliau percaya bahawa kemewahan bukanlah terletak kepada sesuatu jenama tetapi lebih kepada ketelitian yang tinggi dalam pertukangan, ketahanan yang mana sentuhan peribadi mencerminkan ikatan yang mendalam antara pemilik dan karya penuh makna ini.

Ujarnya, salah satu daripada misi kami juga adalah mencari dan merebut peluang untuk bekerjasama dengan pengusaha kreatif atau individu berbakat di negara kita dalam menghasilkan rekaan edisi terhad ataupun *limited edition release*.

Oleh itu, jelasnya lagi Atelier Lai sangat komited dalam membuat barang kulit reka khas yang mengungkap seni pertukangan kulit secara unik yang mana setiap satu adalah karya pernyataan, eksklusif dan tidak ternilai.

"Atelier Lai berhasrat untuk dikenali

sebagai jenama daripada NBD yang mampu untuk menghasilkan buatan tangan barang kulit selain memperkenalkan konsep kemewahan dengan reka bentuk yang berfungsi dan berkualiti tinggi," tambahnya.

Menyentuh mengenai bahan yang digunakan untuk membuat setiap barang kulit menggunakan Italian's Finest Full Grain Vegetable Tanned Leather (*vegan*) yang diiktiraf oleh Pelle Italiana Conciata Al Vegetale iaitu sebuah organisasi yang mempromosikan dan melindungi produksi kulit *vegan* di Tuscany, Itali.

Setiap pengeluaran produk-produk, ianya dijahit dengan tangan iaitu dua jarum dengan satu benang, menggunakan benang linen berlapis lilin (*waxed linen thread*) yang mempunyai ketahanan yang lasak dan reka bentuk estetik.

Menurutnya pula, setiap pengusaha pasti mempunyai cabaran tersendiri, tidak terkecuali Atelier Lai dan salah satu cabaran yang nyata ialah apabila setiap bisnes operasi Atelier Lai bermula dari fasa rekaan, fasa produk prototaip, pelan pemasaran dan pelaksanaannya serta menghasilkan barang kulit secara buatan tangan serta melakukan pemeriksaan ke atas barang kulit sebelum dihantar kepada pelanggan seterusnya mengambil kira akan perancangan masa hadapan Atelier Lai agar kekal relevan dalam industri fesyen dan barang kulit buatan tangan.

Mengulas mengenai perancangannya dalam tempoh lima hingga 10 tahun ke hadapan, Jaz menjelaskan, Atelier Lai mempunyai visi ataupun hasrat untuk sentiasa kekal mengeluarkan barang kulit buatan tangan yang berkualiti tinggi dan tahan lama daripada *mass-produced goods* seperti jenama mewah yang terkenal untuk warganegara Brunei selain menghasilkan

barang kulit buatan tangan yang menekankan konsep tampak mewah dan berkualiti tinggi. Perancangan yang sedang dilaksanakan kini adalah memasuki pasaran Malaysia untuk membuka dan menerima tempahan daripada pelanggan di negara tersebut.

Bagi Jaz, walaupun beliau bukan seorang yang berpengalaman, namun ia sentiasa mengingatkan diri sendiri untuk menjaga niat sentiasa jujur, ikhlas dan berbakti kepada pekerjaan dengan penuh integriti dalam setiap pelaksanaan kerja.

"Kurangkan *upskill* tetapi halusilah kemahiran-kemahiran yang awda telah pelajari dan perolehi untuk mencebur dalam bidang tersebut. Jika terlalu banyak kemahiran, tidak semestinya semua kita mahir dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana apa yang lebih memberi impak adalah diri kita sendiri untuk sentiasa menghalusi kemahiran-kemahiran sedia ada yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi pekerjaan ataupun perniagaan."

"Selain itu, carilah mentor-mentor yang boleh dipercayai sebagai rujukan untuk segala persoalan yang kita ada. Bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi seseorang yang boleh memberi kritikan membina, nasihat dan untuk pertumbuhan dan pembangunan," terang beliau.

Mengakhiri pendekatan bersama Jaz menjelaskan di samping turut membina watak-watak seperti sentiasa menghormati satu sama lain, selalu bersikap penuh integriti kerana ia akan membina kepercayaan dalam kalangan pekerja, mempelajari kemahiran kepimpinan yang mengutamakan dalam menyatakan pasukan untuk mencapai ke arah objektif yang telah dinyatakan dan juga mempunyai sifat mendengar secara aktif.



Memperkasa industri agrimakanan, diversifikasi ekonomi negara

Oleh : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

Foto : Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

SIRI KEDUA

DALAM usaha untuk memastikan pembangunan industri sektor agrimakanan, pembangunan kompetensi pengusaha-pengusaha sektor agrimakanan juga adalah penting dan diberikan keutamaaan. Antara usahasama yang dijalankan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan agensi-agensi berkepentingan seperti Bahagian Kawalan Makanan Halal, Brunei Economic Development Board (BEDB), Brunei Darussalam Food Authority, pelbagai aktiviti telah dijalankan yang berhasrat untuk mendukung pengusaha sektor agrimakanan dalam meningkatkan kompetensi supaya produk-produk yang dihasilkan dapat memenuhi piawaian-piawaian dan peraturan-peraturan makanan di dalam dan luar negara.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti :-

1. Bengkel Tatacara Permohonan Permit Halal

Bengkel ini dijalankan dua kali setahun di mana ianya bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pengusaha agrimakanan mengenai permit halal, sijil halal dan akta-akta di bawah perintah sijil halal dan

label halal (2005). Maklumat mengenai tatacara permohonan permit halal dan peringatan kepada pengusaha agrimakanan mengenai kewajipan menjaga kehalalan, kebersihan, dan keselamatan produk, terutama dalam pengendalian dan penghasilan produk makanan dan selain makanan juga disampaikan semasa bengkel.

2. Kursus Pengenalan Good Manufacturing Practice (GMP)

Kursus sebegini berhasrat untuk meningkatkan kefahaman tentang prinsip-prinsip asas GMP, kepentingannya dalam memastikan keselamatan dan kualiti produk yang dihasilkan; memberikan pengenalan elemen-elemen utama GMP, termasuk kawalan kualiti bahan, infrastruktur premis, penyelenggaraan peralatan, kawalan perosak, dan pembersihan serta sanitasi persekitaran kerja; ilmu pengetahuan tentang bagaimana menerapkan GMP dalam operasi harian industri, termasuk pengeluaran, pembungkusan, dan pelabelan produk; dan membantu persiapan untuk pensijilan GMP dengan memastikan pematuhan terhadap semua elemen GMP yang diperlukan.

3. Kursus Asas Pengendali Makanan (Basic Food Handlers Course)

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan pengendali makanan tentang prinsip-prinsip asas kebersihan dan keselamatan makanan;

mengenalkan piawaian kebersihan makanan seperti amalan kebersihan yang baik, membekalkan pengetahuan tentang cara mencegah kontaminasi makanan dan bagaimana mengenal pasti bahaya kebersihan makanan di tempat pemprosesan; menekankan kepentingan kebersihan peribadi dan amalan pengendalian makanan yang selamat; mengajar tentang cara menguruskan sisa makanan dan mengawal binatang perosak dengan betul.

4. Kursus Mengenai Bahan Pengawet (Food Preservatives)

Kursus ini memberikan pengenalan tentang definisi, jenis, dan fungsi bahan pengawet (*food preservatives*) dalam meningkatkan kualiti dan jangka tempoh simpan (*shelf life*) produk makanan; Antara topik-topik yang disampaikan juga adalah akta-akta di Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan penggunaan bahan pengawet dalam produk makanan dan pengetahuan tentang regulasi yang mengatur penggunaan bahan pengawet dalam industri makanan, termasuk pelabelan.

Selain dari itu, KSSUP juga menyediakan platform untuk meningkatkan akses pasaran produk tempatan dan juga menjadi jambatan penghubung di antara pengusaha dan platform agensi-agensi lain sebagai usaha untuk mengukuhkan potensi syarikat tempatan untuk terus berkembang dalam sektor agrimakanan, seperti :

1. Pasar Kitani, Pusat Agribisnes Rimba

Pasar mingguan yang dijalankan pada setiap Sabtu dan Ahad ini memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk menjual dan

mempromosikan produk *agrifood* mereka secara langsung kepada pengguna. Inisiatif ini membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap produk tempatan serta merancakkan ekonomi komuniti agrimakanan.

2. Local Product Expo (LPE)

Kerjasama dengan pelbagai agensi-agensi, LPE merupakan platform yang dikhatuskan untuk syarikat tempatan untuk mengembangkan lingkungan pasaran dengan berhubung secara langsung dengan pengguna melalui pameran dan jualan dan sekali gus mendapatkan pendedahan pasaran yang lebih meluas.

3. Platform Bruneian Made

Platform Bruneian Made BEDB menyediakan ruang pameran di lokasi strategik memasarkan produk tempatan untuk meningkatkan kesedaran dan penerimaan produk tempatan di kalangan pengguna, serta membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan untuk mengembangkan pasaran produk tempatan.

KSSUP terus komited dalam memperkasakan industri agrimakanan dan syarikat tempatan melalui pelbagai inisiatif strategik. Dari menarik pelaburan asing berkualiti, menyediakan tapak pemprosesan untuk pelabur baharu seperti Atoll, hingga menyokong perniagaan tempatan melalui Pasar Kitani, Platform Bruneian Made oleh BEDB, dan LPE. Setiap usaha ini membuka peluang lebih luas bagi usahawan tempatan untuk berkembang dengan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta bagi mengangkat jenama tempatan ke peringkat lebih tinggi dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif.



RAMAH MESRA, SANTAI AIDILFITRI BERSAMA BELIA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Setia 'A'

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 April. - Syawal terus disemarakkan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri sambil berkumpul sekali gus bermafaaf-maafan antara satu sama yang lain meskipun Syawal sudah berada di penghujungnya.

Justeru, para belia Kampung

Setia 'A' mengadakan Majlis Ramah Mesra dan Santai Aidilfitri di pantaran salah sebuah kediaman di kampung berkenaan baru-baru ini.

Di samping berkumpul bersama warga emas di kampung berkenaan, para belia juga berpeluang berinteraksi sambil

mendengarkan nostalgia sambutan raya pada masa silam.

Para belia juga mendengarkan kemeriahana ada dari segi persediaan di malam 'pukul' (malam raya), laungan takbir raya, bermain mercun sehingga juadah dan keriuhan kunjung-kunjungan dengan berjalan kaki dari rumah ke rumah.

Kira-kira 50 orang hadir pada majlis berkenaan termasuk Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; dan Pemangku Ketua Kampong Zon 3 Kampong Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim.

Dalam pada itu, Awang Raimi menyatakan inisiatif berkenaan diambil baik sebagai salah satu usaha untuk mengeratkan silaturahim dalam kampung dan ia juga menjadi sebahagian daripada



'Satu Kampung Satu Keluarga' (1K1K).

Tambahnya, adalah amat penting menjalinkan perhubungan dan ikatan sesama kampung bagi saling memahami dan persefahaman serta bermafaaf-maafan, khasnya bagi penduduk Kampung Setia.

Menurutnya lagi, adapun sambutan berkenaan merupakan kali kedua ia diadakan dan insyaAllah akan diteruskan lagi

pada tahun yang akan datang.

Awang Raimi juga menzahirkan penghargaan terima kasih terutama sekali kepada para belia kerana sanggup bertungkus-lumus dalam menjayakan majlis yang penuh bermakna berkenaan.

"Semoga aktiviti seumpama berkenaan akan menjadi amalan dan tradisi untuk diteruskan serta sentiasa dipraktikkan oleh generasi muda pada masa hadapan," ujarnya lagi.



SEKITAR Majlis Ramah Mesra dan Santai Aidilfitri di pantaran salah sebuah kediaman (kiri dan atas kanan)

Majlis Ramah Mesra eratkan lagi silaturahim



SESI bergambar ramai Majlis Ramah Mesra dan diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya yang berlangsung di Dewan Riadah Pusat Belia.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 April. - Persatuan Bekas-bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara (Persatuan BERSATU) dengan kerjasama Ex-BPY 1984-2024 telah mengadakan Majlis Ramah Mesra dan diselajurkan dengan Sambutan Hari Raya yang berlangsung di Dewan Riadah Pusat Belia, hari ini.

Acara dimulakan dengan ucapan daripada Yang Dipertua Persatuan BERSATU, Dayang Hajah Rosmawatinah binti Penghulu Haji Ibrahim selaku

Penasihat Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang antara lain mengongsikan, Hari Raya merupakan waktu terbaik untuk saling maaf - memaafkan, mengeratkan silaturahim dan mengimbau kenangan bersama.

"SSEAYP bukan sekadar program tetapi ia adalah pengalaman hidup, satu pelayaran yang menyatukan kita semua dalam satu keluarga besar. Hari ini, bukan sahaja meraikan Hari Raya, tetapi juga meraikan kenangan, kasih sayang dan persahabatan

yang telah merentasi sempadan," jelasnya lagi.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian daripada Ex-BPY dan juga penyampaian pertukaran hadiah (Raffles Draw).

Adapun tujuan diadakan majlis ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan persahabatan serta peluang beramah mesra dalam kalangan persatuan.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.



EKSPORT BUKAN MINYAK ARAB SAUDI CATAT REKOD TERTINGGI PADA 2024

RIYADH, 27 April. - Eksport bukan minyak Arab Saudi melonjak kepada 515 bilion Riyal Saudi (US\$137.33 bilion) pada 2024, mencatat peningkatan 13 peratus berbanding 2023, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA) pada Sabtu, menurut Xinhua.

Menurut statistik Lembaga Pembangunan Eksport Saudi,

prestasi eksport kukuh negara merangkumi pelbagai sektor.

Eksport barang meningkat kepada 217 bilion Riyal Saudi, dengan eksport petrokimia dan bukan petrokimia masing-masing berkembang dua peratus dan sembilan peratus.

Eksport semula mencecah 90

bilion Riyal Saudi, manakala eksport perkhidmatan mencapai rekod 207 bilion Riyal Saudi, meningkat 14 peratus tahun ke tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Eksport Saudi, Abdulrahman Althukair menyifatkan kejayaan eksport bukan minyak hasil daripada usaha

kerajaan mempergiatkan kepelbagaian ekonomi dan memperluaskan akses produk nasional ke pasaran global.

Beliau menegaskan komitmen Arab Saudi untuk terus menyokong para pengeksport melalui program latihan, promosi dan khidmat nasihat.



Menurut laporan itu, Arab Saudi mengeksport ke lebih 180 negara pada 2024, dengan komoditi petrokimia menyumbang 68 peratus daripada jumlah eksport. - ©BERNAMA

Taman mini di Shizuoka diiktiraf taman terkecil di dunia

SHIZUOKA (Jepun), 27 April. - Sebuah 'taman mini' di Shizuoka, Jepun diiktiraf oleh Guinness World Records sebagai taman terkecil di dunia, dengan keluasan hanya 0.24 meter persegi, cukup untuk memuatkan seorang duduk di atas bangku kayu di atas batu.

Menurut agensi berita Kyodo, taman itu terletak di sudut kawasan perumahan di bandar Nagaizumi dan terdiri daripada susunan batu bata kecil yang ditinggikan, beberapa pokok renik berhampiran bangku serta dua monumen batu, termasuk satu yang memaparkan bunga simbolik bandar itu.

Taman itu digelar sebagai

'taman terkecil di dunia' oleh penduduk tempatan dan berfungsi sebagai tempat berhat selama lebih 30 tahun.

Ia secara rasmi diiktiraf oleh Guinness pada Disember tahun lalu.

Terletak kira-kira 300 meter dari dewan bandar, taman berkenaan dibina pada 1988 menggunakan tanah lebih daripada projek pembinaan jalan.

Idea pembinaannya dicetuskan oleh seorang bekas pegawai bandar yang mendapat inspirasi daripada 'Mill Ends Park di Oregon', pemegang rekod sebelumnya dengan keluasan 0.29 meter persegi.

Dengan sokongan penduduk,

bandar Nagaizumi melancarkan usaha untuk mendapatkan pengiktirafan Guinness World Records pada 2023.

Mereka berjaya mengumpulkan kira-kira 2.5 juta yen (US\$18,000) melalui bajet bandar, kutipan dalam talian, serta sumbangan sektor swasta untuk menampung kos berkaitan.

Pihak bandar mengupah juruukur untuk mengesahkan ukuran tanah dan mengemukakan sijil membuktikan taman itu telah wujud lebih lima tahun.

Sejak menerima pengiktirafan Guinness, taman itu menjadi tarikan pelancong dan menarik pengunjung dari luar Shizuoka.

"Kami berharap taman ini menjadi peluang untuk mempromosikan bandar kami,"

kata Shuji Koyama dari bahagian pengurusan pembinaan bandar itu. - ©BERNAMA

Iran tawar jadi orang tengah selesaikan ketegangan India-Pakistan

NEW DELHI, 26 April. - Iran menawarkan diri sebagai pengantara dalam menyelesaikan ketegangan antara India dan Pakistan akibat serangan pengganas yang mengorbankan 26 nyawa di Kashmir yang ditadbir India.

Ketegangan di rantaunya memuncak selepas insiden tembakan oleh kumpulan bersenjata di Pahalgam, Jammu dan Kashmir pada Selasa lalu, yang kebanyakannya merupakan pelancong dari India.

Sebagai tindak balas, kedua-dua negara menurunkan taraf hubungan diplomatik, membatalkan visa rakyat masing-masing serta menggantung beberapa perjanjian dua hala yang telah lama termeterai.

"India dan Pakistan ialah jiran yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan Iran, berakar umbi dari ikatan budaya dan peradaban sejak berabad lamanya. Seperti jiran-jiran lain, kami mengutamakan mereka."

Tehran bersedia untuk menggunakan kedudukannya yang baik di Islamabad dan New Delhi bagi memupuk persefahaman pada saat yang sukar ini," kata Menteri Luar Iran, Seyed Abbas Araghchi dalam kenyataan di platform X pada Jumaat.

Hubungan kedua-dua negara terus tegang apabila India menuju Pakistan mempunyai kaitan dalam serangan di Kashmir, menyebabkan siri tindakan balas yang membimbangkan serta kemungkinan tercetusnya konflik ketenteraan di Asia Selatan.

Pakistan pula menafikan sekeras-kerasnya tuduhan yang dilemparkan oleh India.

Kedua-dua negara memanggil duta asing masing-masing untuk memberikan taklimat berhubung perkembangan terkini.

Jurucakap Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Stephane Dujarric pada Khamis menggesa India dan Pakistan agar mengamalkan langkah berhemah dan memastikan keadaan tidak terus meruncing. - ©BERNAMA

Kari ayam Malaysia dinobatkan stew terbaik dunia oleh TasteAtlas

KUALA LUMPUR, 26 April. - Kari ayam Malaysia dinobatkan sebagai stew terbaik dunia dalam senarai 50 Stew Terbaik oleh TasteAtlas bagi April 2025.

Pengumuman itu dibuat oleh Taste Atlas, sebuah platform makanan dalam talian yang menggambarkan laman itu sebagai ensiklopedia rasa dan atlas dunia bagi hidangan tradisional, bahan tempatan serta restoran tulen.

Dalam satu hantaran di Facebook, TasteAtlas mengucapkan tahniah kepada pemenang dengan kapsyen, "Tahniah! 50 Stew Terbaik, Kedudukan TasteAtlas (APR 2025)."

Kari Ayam menduduki tempat pertama, diikuti Kari Phanaeng dari

Thailand dan Dzhash dari Armenia, manakala Murgh Makhani dari India dan Kalle Pache dari Iran melengkapkan lima tangga teratas.

TasteAtlas dalam laman sesawangnya menyatakan bahawa penarafan makanan dibuat berdasarkan pendapat komuniti globalnya, selain kualiti dan keaslian sesuatu hidangan tradisional.

Antara stew lain dalam 10 tempat teratas termasuk Rendang dari Indonesia (keenam), Keema dari India (kelapan), dan Hunkar Begendi dari Turkiye (kesembilan), mencerminkan pengaruh kuat masakan Asia.

Senarai itu turut menampilkan beberapa hidangan lain dari rantau

ini seperti Kari Massaman dari Thailand (ketujuh), Kari Hijau (ke-26), dan Bo Kho dari Vietnam (ke-36).

Menurut platform itu, lebih 10,000 item makanan dan minuman dikatalogkan setakat ini, dengan ribuan lagi sedang dalam kajian dan pemetaan, termasuk pelbagai kepakaran tempatan yang jarang dikenali atau hampir dilupakan.

TasteAtlas berusaha mendokumentasikan warisan kuliner dari seluruh dunia, termasuk dari bandar raya, wilayah dan kawasan luar bandar.

Senarai penuh stew terbaik dunia boleh diakses di www.tasteatlas.com/best-rated-stews-in-the-world. - ©BERNAMA

Tahap PFAS melebihi piawai di 242 lokasi di Jepun

TOKYO, 26 April. - Tinjauan Kerajaan Jepun bagi tahun fiskal 2023 mendapati kepekatan bahan kimia PFAS atau bahan perfluoroalkil dan polifluoroalkil, yang berpotensi berbahaya di sungai dan air bawah tanah melebihi piawai sementara negara di 242 lokasi di seluruh negara, lapor Xinhua.

Kementerian Alam Sekitar mengemukakan hasil tinjauan dalam satu mesyuarat panel pakar pada Jumaat.

Jepun mengharamkan pengeluaran dan import PFOS serta PFOA, iaitu dua bentuk PFAS yang paling biasa menjelang 2021.

Kerajaan menetapkan sasaran sementara bagi gabungan PFOS dan PFOA pada kadar 50

nanogram seliter bagi air paip dan sungai.

Ujian dilakukan oleh 39 wilayah di 2,078 lokasi sepanjang tahun fiskal 2023 yang berakhir pada Mac 2024.

Keputusan menunjukkan tahap PFOS dan PFOA melebihi had di 242 lokasi dalam 22 wilayah, termasuk Tokyo, Osaka dan Okinawa.

Kepekatan tertinggi dikesan dalam air bawah tanah di Bandar Settsu, Wilayah Osaka, iaitu 26,000 nanogram seliter - 520 kali ganda daripada standard ditetapkan.

Ita diikuti oleh Bandar Higashihiroshima di Wilayah Hiroshima dengan 15,000 nanogram seliter.

Di pekan Kadena, Wilayah

Okinawa yang menempatkan banyak pangkalan tentera Amerika Syarikat, kepekatan PFAS melebihi had di semua 13 lokasi yang diuji, menurut tinjauan.

Kementerian berkata pihaknya hanya berjaya mengenal pasti punca bahan kimia itu di empat lokasi setakat ini, dan telah mengarahkan pengendali perkhidmatan air untuk bertindak balas.

Panel pakar bersetuju dengan rancangan untuk mewajibkan ujian berkala terhadap air paip serta menukar paras 50 nanogram itu daripada sasaran sementara kepada piawai undang-undang.

Kementerian akan meminda ordinan berkaitan dan menguatkuasakan piawai baharu mulai April 2026. - ©BERNAMA

1 maut, 1 cedera dalam insiden tapak pembinaan runtuh di Korea Selatan

SEOUL, 26 April. - Seorang pekerja maut manakala seorang lagi cedera dalam insiden tapak pembinaan runtuh di Korea Selatan, menurut agensi berita Yonhap pada Sabtu yang memetik pihak polis dan bomba, lapor Xinhua.

Kejadian berlaku apabila satu timbunan tanah runtuh ketika kerja-kerja pembinaan saluran paip kumbahan jalan raya sedang berjalan di Goyang, kira-kira 20 kilometer di barat laut ibu negara Seoul, pada kira-kira 12.21 tengah hari tempatan (0321 GMT).

Dua lelaki berusia lingkungan 60-an berjaya diselamatkan selepas tertimbas di bawah timbunan tanah. Seorang daripada mereka yang ditemukan dalam keadaan jantung terhenti disahkan meninggal dunia, manakala seorang lagi mengalami kecederaan.

Pada masa kejadian, kedua-dua pekerja sedang menjalankan kerja-kerja penggalian dan pemasangan sokongan di tapak berkenaan.

Polis dan pihak bomba sedang menyiasat punca kejadian. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PERTANDINGAN PENCAK SILAT JEMPUTAN SEKOLAH SUKAN LABUH TIRAI



TIMBALAN Pengetua Sukan, Sekolah Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemenang

Sekolah Sukan muncul sebagai juara.

Bagi acara Regu Lelaki menyaksikan pasukan CoT yang diwakili oleh Awang Mohd. Abel Aflah bin Abdullah, Awang Muhamd. Nur Hafizul Ikhmal bin Muhamd. Nur Hakimi, dan Awang Md. Aminuddin bin Md. Azree memenangi pingat emas.

Sementara acara Regu Wanita pula, pasukan Sekolah Sukan yang dianggotai oleh Dayang Nusyaziyah Mawaddah binti Mohd. Fauzi, Dayangku Nur Asyifa Na'imullah binti Pengiran Haji Md. Yasrizam Ayub dan Dayang Nur Hidayatul Najwa binti Asrizal berjaya meraih kejuraan.

Acara diakhiri dengan Upacara Penutupan Gelanggang oleh Ketua CoT Pencak Silat, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, diikuti dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, Ahli Jawatankuasa (AJK) Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB), pengurus-pengurus, jurulatih-jurulatih serta para peserta pertandingan.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk menyokong perkembangan Pencak Silat dan mengerakkan silaturahim antara pasukan.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Ahad, 27 April. - Sekolah Sukan pagi tadi mengadakan Majlis Penutup Rasmi Pertandingan Pencak Silat Jemputan Sekolah Sukan 2025 bertempat di Dewan Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Awang Haji Mohd. Azrin bin Haji Aji.

Atur cara dimulakan dengan menyaksikan pusingan akhir Kelas 'C' Wanita dan Kelas 'C' Lelaki, diikuti dengan penyampaian pingat kepada para pemenang oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 46 peserta daripada empat pasukan, iaitu Sekolah Sukan, Skim JBS Brunei-Muara,

Skim JBS Tutong dan Centre of Training (CoT), Jabatan Pendidikan Kokurikulum menyertai pertandingan berkenaan.

Dalam keputusan rasmi pertandingan, bagi Kelas 'A' Lelaki (39-43 kilogram-kg), Awang Muhd. Khairul Hafiy bin Mohd. Haddi daripada pasukan CoT berjaya meraih pingat emas. Manakala bagi Kelas 'B' Lelaki (43-47kg) pula dimenangi oleh Awangku Muhd. 'Aqeel Fadlullah bin Pengiran Haji Mohd. Yasrizam Ayub dari Sekolah Sukan.

Sementara bagi Kelas 'C' Lelaki (47-51kg), pingat emas dimenangi oleh Awang Md. Azinuddin bin Md. Azree dari Sekolah Sukan,

manakala bagi Kelas 'D' Lelaki (51-55kg) pula menyaksikan kemenangan milik Awang Md. Raid Naim bin Md. Syamsuddin, juga dari Sekolah Sukan.

Bagi Kelas 'E' Lelaki (55-59kg) pula, juara disandang oleh Awang Mohd. Miqhalil Arrauf bin Muhd. Azmi dari pasukan Skim JBS Tutong.

Dalam Kelas 'F' Lelaki (59-63kg), Awang Hanif 'Adaniy bin Haji Adinil dari Skim JBS Tutong berjaya membawa pulang pingat emas. Sementara itu, bagi Kategori Bawah 39kg, Awang Raffiel Shifa'e bin Raffi 'Imadi dari Sekolah Sukan mencatat kemenangan.

Sementara bagi Kategori Wanita pula menyaksikan Dayang Adi Aina Marhanna binti Muhammad Zaidi dari Sekolah

Sukan menjuarai Kelas 'A' Wanita (39-43kg). Seterusnya, dalam Kelas 'B' Wanita (43-47kg) pula, Dayang Fatin Hazirah binti Muhibi dari Sekolah Sukan memenangi pingat emas.

Manakala, Dayang Nur Asyifa Shabiqah binti Masli daripada pasukan Skim JBS Tutong pula berjaya mengungguli Kelas 'C' Wanita (47-51kg). Manakala, dalam Kelas 'D' Wanita (51-55kg), kemenangan menjadi milik Dayang Nur Aludra Qahira binti Mohd. Bohari dari Sekolah Sukan.

Dalam acara seni Kategori Tunggal Lelaki, Awang Mohd. Abel Aflah bin Abdullah dari CoT meraih pingat emas, sementara dalam acara Tunggal Wanita pula menyaksikan Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd. Fauzi dari

Pasukan MPK Menengah menang selesa

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Zon 2 Kampong Ayer

TEMBURONG, Ahad, 27 April. - Pasukan Bola Sepak Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menengah, Daerah Temburong menang selesa setelah menumpaskan Majlis Perundingan Mukim (MPM) Zon 2 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara pada Perlawanan Persahabatan Bola Sepak bagi Tahun 2025, baru-baru ini.

Perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi,

Temburong, di sini, menyaksikan kemenangan berpihak kepada pasukan dari bumi Permata Hijau yang berkesudahan jaringan 5 - 3.

Para penjaring yang memacu kemenangan pada perlawanannya persahabatan kali kedua ini ialah Ampuan Fatrullah bin Ampuan Haji Yakub, Ampuan Rahim bin Ampuan Sabli, Abd. Halim bin Ali Rahman, Awang Jelardin bin Haji Hamdan dan Awang Adi bin Haji Bagol.

Manakala bagi pasukan MPM Zon 2 Kampong Ayer hanya mampu menjaring tiga gol menerusi Hafiz bin Haji Salleh, Nazrulazmin bin Azami dan Husin bin Haji Salleh.

Hadir sama bagi memberikan sokongan ialah Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid dan Ketua Kampung Menengah, Awang Mohd. Aiman bin Haji Ali selaku Penggerusi MPK berkenaan.

Tujuan perlawanannya persahabatan tersebut adalah bagi mengerakkan silaturahim di antara MPM dan MPK di kedua-dua daerah. Selain itu, perlawanannya persahabatan ini juga diharap akan dapat lagi untuk



AKSI pada Perlawanan Persahabatan Bola Sepak bagi Tahun 2025 di antara Pasukan Bola Sepak Majlis Perundingan Kampung (MPK) Menengah, Daerah Temburong bertemu Majlis Perundingan Mukim (MPM) Zon 2 Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara.

mengelakkan gaya hidup sihat sesama pemain dan sebagai salah

satu aktiviti sukan tahunan bagi kedua-dua belah pihak.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JADILAH INDIVIDU YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MERANCANG KEWANGAN